



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - KHAMIS, 12 DISEMBER 2024



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JUMLAH MANGSA BANJIR DI PPS TERUS MENURUN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1165196/jumlah-mangsa-banjir-di-pps-terus-menurun	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	DEWAN NEGARA: KADAR KEMATIAN KANAK-KANAK BAWAH LIMA TAHUN DI MALAYSIA RENDAH		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2024/12/11/dewan-negara-kadar-kematian-kanak-kanak-bawah-lima-tahun-di-malaysia-rendah/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PROGRAM SUSU PERCUMA DI PETALING JAYA, ATASI KEKURANGAN NUTRISI KANAK KANAK		POSITIF
	https://www.suarakeadilan.my/post/program-susu-percuma-di-petaling-jaya-atasi-kekurangan-nutrisi-kanak-kanak	SUARAKEADILAN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	TIDAK MAMPU BIAYAI KOS KELAHIRAN, JENAZAH BAYI DIDAKWA DITAHAN PIHAK HOSPITAL		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/tidak-mampu-biayai-kos-kelahiran-jenazah-bayi-didakwa-ditahan-pihak-hospital/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164927/kerajaan-selangor-kecam-tindakan-hospital-swasta-tahan-jasad-bayi	HMETRO.COM.MY	
	https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysia-health-ministry-urged-to-investigate-case-of-babys-body-kept-in-freezer	STRAITSTIMES.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/728648	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1146885/hospital-addresses-baby-freezer-controversy-says-burial-arrangements	NST.COM.MY	
	https://international.astroawani.com/malaysia-news/private-hospital-denies-mishandling-deceased-babys-body-500302	ASTROAWANI.COM	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/11/ministry-urged-to-investigate-case-of-baby039s-body-kept-in-freezer	THESTAR.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/12/11/private-hospital-denies-allegation-of-mishandling-deceased-babys-body/	FREERMALAYSIATODAY.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/private-hospital-in-klang-under-fire-for-withholding-newborn-s-body-over-rm3600-unpaid-bill-IG13408606	THESUN.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/11/woman-deflected-all-responsibility-to-039husband039-says-hospital-in-unburied-baby-case	THESTAR.COM.MY	
	https://worldofbuzz.com/hospital-where-baby-was-kept-in-freezer-for-2-weeks-responds-to-accusations-claims-couple-is-not-married/	WORLDOFBUZZ.COM	
	https://worldofbuzz.com/parents-of-baby-kept-in-freezer-allegedly-insulted-by-doctor-blamed-for-not-knowing-how-to-handle-the-corpse/	WORLDOFBUZZ.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/11/don039t-make-assumptions-in-unburied-baby-case-says-health-minister	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1146893/selangor-govt-investigate-allegations-babys-body-kept-freezer-over	NST.COM.MY	
	https://selangorjournal.my/2024/12/selangor-govt-condemns-private-hospital-for-holding-infant-corpse-hostage/	SELANGORJOURNAL.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/mps-demand-probe-after-baby-s-body-withheld-for-two-weeks-over-unpaid-bill-JG13409257	THESUN.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1335617/simpan-jenazah-bayi-2-minggu-ini-penjelasan-hospital	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/701681/berita/semasa/ayah-tiada-wang-bayar-bil-hospital-swasta-mayat-bayi-dibeku-dua-minggu---ukvj#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2024/12/11/hospital-bersalin-razif-sudah-izin-kebumi-tetapi-pasangan-banyak-alasan/	KOSMO.COM.MY	
	https://thevocket.com/jenazah-bayi-terpaksa-dibekukan-selama-2-minggu-gara-gara-bapa-tak-mampu-bayar-bil-hospital/	THEVOCKET.COM	
	https://thevocket.com/hospital-dakwa-si-bapa-enggan-uruskan-jenazah-bayi-satu-putar-belit/	THEVOCKET.COM	
	https://ohmedia.my/trending/viral-bayi-dibekukan-16-hari-ini-penjelasan-hospital-bersalin-razif/	OHMEDIA.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/12/1165091/ini-penjelasan-hbr-berhubung-isu-simpan-jenazah-bayi	HMETRO.COM.MY	
	https://lobakmerah.com/dia-tidak-berkahwin-hospital-bersalin-razif-keluarkan-kenyataan-isu-jenazah-bayi-dibekukan/	LOBAKMEERAH.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hospital-swasta-nafi-lakukan-penganiayaan-simpan-jenazah-bayi-500283	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1335485/selangor-kecam-tindakan-hospital-tahan-jasad-bayi-dua-minggu	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/701718/berita/semasa/jenazah-bayi-dibeku-hospital-bersalin-razif-benarkan-kebumi-ibu-rayu-tak-lapor-polis	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164993/tahan-beku-jenazah-bayi-disifatkan-penganiayaan-menyalahi-hukum-syarak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=_pRMp4Vjnd8	YOUTUBE	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1335593/ibu-tak-bayar-bil-rm3600-hospital-swasta-tahan-jasad-bayi-insiden	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-mayat-bayi-beku-hospital-tawar-awal-proses-pengebumian-kepada-waris	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/12/11/kkm-siasat-kes-jenazah-bayi-ditahan-sampai-beku-di-hospital-swasta	MSTAR.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2024/12/11/pembangkang-minta-kkm-siasat-insiden-bayi-dibekukan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2024/12/11/kkm-digesasiasat-hospital-tahan-mayat-bayi-16-hari/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2024/12/11/gagal-lunas-bil-jasad-bayi-disimpan-hospital-bersalin-razif-tampil-beri-penjelasan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dakwaan-simpan-jenazah-bayi-hospital-swasta-disiasat-dr-dzulkefly-500289	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/701745/berita/nasional/jenazah-bayi-dibeku-2-minggu-kkm-mula-siasat-hospital-swasta	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/videos/awani745-x7kldw/dakwaan-hospital-swasta-tahan-jenazah-bayi-dua-minggu-disiasat-x9am8y2	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/11/kmi-healthcare-nafi-pemilik-hospital-didakwa-2-minggu-tahan-jenazah-bayi/	FREEMALYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.buletintv3.my/nasional/kkm-mula-siasatan-dakwa-hospital-swasta-simpan-jenazah-bayi/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2024/12/11/hospital-simpan-mayat-bayi-16-hari-bukan-milik-kmi-healthcare/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2024/12/11/jenazah-bayi-ditahan-orang-ramai-dinasihat-bersabar-tunggu-kkm-dapat-maklumat-penuh/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/728651	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1165154/kkm-siasat-dakwa-hospital-swasta-tahan-beku-jasad-bayi	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/11/kami-minta-bapa-urus-jenazah-bayi-sebelum-bayar-bil-kata-hospital-swasta/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2024/12/11/jenazah-bayi-dibeku-hbr-dakwa-pesakit-belum-berkahwin-bapa-hilangkan-diri/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/12/pn-gesa-kkm-siasat-hospital-tahan-mayat-bayi-hingga-16-hari/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	180 TABIKA, TASKA KEMAS DI KELANTAN TERJEJAS BANJIR		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/701667/edisi/kelantan/180-tabika-taska-kemas-di-kelantan-terjejas-banjir#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1165066/180-tabika-kemas-di-kelantan-rosak-akibat-banjir	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	ROGOL REMAJA ATAS PADANG, PELATIH MENGAKU SALAH		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164983/rogol-remaja-atas-padang-pelatih-mengaku-salah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pelatih-institut-perladangan-mengaku-salah-rogol-remaja-atas-padang/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BAPA DERA ANAK PEREMPUAN DIPENJARA 5 TAHUN		NEUTRAL
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/bapa-dera-anak-perempuan-dipenjara-5-tahun/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1165099/bapa-dipenjara-5-tahun-dera-anak-perempuan	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PUKUL KANAK-KANAK 10 TAHUN, PEMILIK RUMAH JAGAAN DIREMAN 6 HARI		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1335776/pukul-kanak-kanak-10-tahun-pemilik-rumah-jagaan-direman-6-hari	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/701661/berita/semasa/pukul-budak-perempuan-guna-kayu-penjaga-pusat-jagaan-anak-yatim-direman#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2024/12/11/kes-pukul-budak-pemilik-rumah-jagaan-anak-yatim-direman-enam-hari/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2024/12/11/pemilik-rumah-anak-yatim-direman-pukul-penghuni-guna-pembaris-kayu/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164950/pukul-penghuni-rumah-jagaan-pemilik-direman-6-hari	HMETRO.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/12/2024

PECAHAN KATEGORI	BILANGAN MEDIA
Negatif	51
JKM	
ASTROAWANI.COM	4
BERITA.RTM.GOV.MY	1
BHARIAN.COM.MY	3
BULETINTV3.MY	2
FREEMALYSIATODAY.COM	2
FREERMALYSIATODAY.COM	1
HARIAN METRO	1
HMETRO.COM.MY	5
KOSMO.COM.MY	3
LOBAKMERAH.COM	1
MALYSIAGAZETTE.COM	3
MALYSIAKINI.COM	2
MSTAR.COM.MY	1
NEW STRAITS TIMES	1
NST.COM.MY	2
OHMEDIA.MY	1
SELANGORJOURNAL.MY	1
SINARHARIAN.COM.MY	4
STRAITSTIMES.COM	1
THESTAR.COM.MY	3
THESUN.MY	2
THEVOCKET.COM	2
TVSARAWAK.MY	1
UTUSAN.COM.MY	1
WORLDOFBUZZ.COM	2
YOUTUBE	1

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/12/2024

PECAHAN KATEGORI	BILANGAN MEDIA
Neutral	12
JKM	
BHARIAN.COM.MY	1
BULETINTV3.MY	2
CHINA PRESS	1
HARIAN METRO	2
HMETRO.COM.MY	3
KOSMO.COM.MY	1
MALAYSIAGAZETTE.COM	1
SINARHARIAN.COM.MY	1
Positif	5
JKM	
HMETRO.COM.MY	1
KPWKM	
BERITA HARIAN	1
SUARAKEADILAN.MY	1
THE SUN	1
TVSARAWAK.MY	1
JUMLAH	68


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jumlah mangsa banjir di PPS terus menurun

BERNAMA



GAMBAR hiasan. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Situasi banjir di semua negeri terlibat beransur pulih dengan jumlah mangsa menurun setakat 4 petang tadi.

Di TERENGGANU banjir situasi beransur pulih dan jumlah mangsa berkurangan kepada 4,751 orang daripada 1,157 keluarga yang berlindung di 16 pusat pemindahan sementara (PPS), berbanding 5,853 orang pagi tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Terengganu memaklumkan di daerah Kemaman, 4,460 mangsa daripada 1,086 keluarga berlindung di 10 PPS. Cuaca cerah sepanjang hari menyebabkan air semakin surut dan sebahagian penduduk di daerah berkenaan telah pulang ke kediaman masing-masing, manakala di Dungun, 291 mangsa daripada 71 keluarga berteduh di enam PPS sejak semalam.

Di KELANTAN, menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah mangsa banjir mencatatkan penurunan kepada 41 orang daripada 10 keluarga, berbanding 307 orang daripada 72 keluarga pada pagi tadi, dengan kesemua mangsa ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Limau Kasturi 1.

Di PAHANG, aplikasi Info Bencana JKM menunjukkan jumlah mangsa banjir menurun kepada 23 orang berbanding 210 pagi tadi, yang masih ditempatkan di PPS.

Di JOHOR, jumlah mangsa banjir mencatatkan penurunan kepada 139 orang daripada 38 keluarga yang berlindung di tiga PPS di Segamat dan Tangkak, berbanding 155 orang pagi tadi.

Pengerusi JPBN Johor Tan Sri Dr Azmi Rohani dalam kenyataan memaklumkan di Segamat, PPS Balai Raya Kampung Batu Badak kekal menempatkan 40 mangsa daripada 12 keluarga dan 45 orang daripada 14 keluarga pula berteduh di Dewan Komuniti Kampung Tasek, manakala 54 orang daripada 12 keluarga berlindung di PPS SK Simpang Lima Darat di Tangkak.

Di PERAK Sekretariat JPBN negeri itu dalam kenyataan memaklumkan, jumlah mangsa banjir petang kekal 34 orang daripada 11 keluarga yang ditempatkan di PPS Dewan Orang Ramai Kampung Teluk Kepayang, Bota di daerah Perak Tengah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sidang Dewan Negara dimaklumkan kadar kematian bagi kanak-kanak di bawah umur lima tahun di Malaysia direkodkan pada 2023 adalah sebanyak 8.3 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Foto hiasan, Envato.

Dewan Negara: Kadar kematian kanak-kanak bawah lima tahun di Malaysia rendah

By Amirah Shawel #bm, Malaysia December 11, 2024 2:14 PM

KUALA LUMPUR, 11 Dis: Kadar kematian bagi kanak-kanak di bawah umur lima tahun di Malaysia direkodkan pada 2023 adalah sebanyak 8.3 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata kadar yang diterbitkan Vital Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia itu adalah lebih rendah daripada kadar yang disasar oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu 25 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

Jelas beliau, 40 peratus kematian bagi kanak-kanak bawah lima tahun adalah disebabkan keadaan tertentu ketika tempoh dalam peranakan seperti pramatang dan asfiksia.

"Selain itu, kecacatan kongenital (31 peratus) disebabkan keabnormalan kromosom seperti Sindrom Patau dan Sindrom Edward; penyakit sistem pernafasan (5.4 peratus) seperti radang paru-paru dan bronkitis; kecederaan, keracunan dan faktor luaran (5.1 peratus); dan penyakit berjangkit dan parasit tertentu (4.4 peratus) seperti denggi dan rotavirus," katanya di Dewan Negara di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Ahli Dewan Negara, Dato Sivaraj Chandran mengenai isu kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun dan langkah bagi mengurangkan kadar di masa depan.

Sementara itu, Dzulkefly berkata Kementerian Kesihatan (KKM) telah melaksanakan strategi bagi mengurangkan kematian perinatal termasuk pengukuhan Program Penjagaan 1,000 Hari Pertama Kehidupan.

"Selain itu, meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan bagi mencegah kematian berkaitan kelahiran pramatang dengan memperkukuhkan intervensi perubatan melalui pemberian ubat-ubatan seperti magnesium sulphate serta penerbitan Garis Panduan Prevention and Management of Preterm Birth pada Tahun 2023," katanya lagi.

Beliau memberitahu, KKM juga menambah baik kualiti pengurusan kelahiran bayi baru lahir dan pediatrik dengan meningkatkan lagi bilangan katil di wad NICU, SCN dan PICU di hospital. -TVS.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program Susu Percuma di Petaling Jaya, atasi kekurangan nutrisi kanak-kanak



Pelancaran program Pemakanan Sihat dan Nutrisi Kanak-Kanak di Desa Mentari, Petaling Jaya kelmarin anjuran Parlimen Petaling Jaya, Dutch Lady Milk Industries Berhad dan Allegra Technologies Sdn Bhd membuka lembaran kerjasama syarikat swasta-kerajaan bagi menyediakan pemakanan yang membantu kanak-kanak agar lebih bernutrisi.

Menurut Ahli Parlimen Petaling Jaya, Lee Chean Chung, MoU yang dimeterai pada 8 Disember lalu merupakan permulaan baik perkongsian swasta-kerajaan dalam menangani kekurangan nutrisi dalam kalangan kanak-kanak bandar.

"Program bertujuan untuk menyediakan susu berkhasiat secara percuma dan mengatasi masalah terbantut yang sering terjadi dalam kalangan komuniti B40.

"Pelaksanaan program ini dijadualkan akan berjalan selama satu tahun, dan melibatkan 100 kanak-kanak yang berdaftar, berumur 1 hingga 6 tahun dari komuniti Blok 5 dan 6 Desa Mentari.

"Pelaksanaannya cukup menarik dan interaktif di mana Teknologi Mesin Layan Diri AI atau 'Vending Machine' digunakan sebagai medium utama pemberian susu secara berkala.

"Ibu bapa akan menerima kod QR khas yang membolehkan mereka menebus hingga 3 botol susu setiap minggu bagi setiap kanak-kanak," kata beliau yang juga Pengarah Komunikasi KEADILAN dalam kenyataan.

Tambah Chean Chung, laporan UNICEF menunjukkan bahawa 1 daripada 5 kanak-kanak terbantut pertumbuhan di negara ini, dengan keseluruhan kira-kira 22% kanak-kanak di bawah umur 5 tahun mengalami pertumbuhan terbantut.

Katanya, sebagai wakil rakyat beliau amat prihatin terhadap akses masyarakat terhadap makanan yang berzat dan bernutrisi.

"Saya faham terdapat cabaran ekonomi dan kos harga barang yang tinggi yang menjadi salah satu halangan dalam memastikan kanak-kanak mendapat nutrisi yang konsisten dan mencukupi.

"Justeru, saya amat berharap program susu percuma ini akan menjadi langkah permulaan dalam usaha membantu memenuhi keperluan nutrisi harian kanak-kanak, dan berharap ianya diperluaskan ke komuniti lain agar lebih ramai kanak-kanak mendapat manfaat," katanya lagi.

Tegas Chean Chung, masalah kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak merupakan salah satu tanggungjawab penting dalam pembangunan intelektual rakyat.

Komitmen tersebut, katanya, harus digalas selari dengan usaha kerajaan bagi memastikan pertumbuhan dan kesihatan generasi muda agar diberi perhatian dan memastikan tiada seorang kanak-kanak pun yang tercicir.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	DAKWAAN JENAZAH BAYI 'DISIMPAN' 2 MINGGU		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	12 DIS 2024	M/SURAT :	01&02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



PENJELASAN HOSPITAL DAKWAAN JENAZAH BAYI 'DISIMPAN' 2 MINGGU



Kenapa perlu tahan jenazah dua minggu?

Pengasas UKVJ persoal rasional tindakan hospital tahan ibu bersama jasad bayi sehingga bil RM3,000 lebih dijelaskan

Oleh Ruwaida Md Zain am@metro.com.my

Shah Alam

Perkongsian Unit Khas Van Jenazah (UKVJ) di Facebook sejak Isnin, mengenai pengurusan jenazah bayi lelaki yang dilahirkan tidak sempurna, tular dan mengundang pelbagai reaksi masyarakat.

Pengasasnya berkongsi di FB Mr Wan Cai Official, memuktamadkan pihaknya terpaksa menggunakan air paip untuk memandikan jenazah bayi lelaki yang dinamakan Adham apabila matanya didakwa disimpan di peti sejuk mayat sebuah hospital swasta selama dua minggu, hanya disebabkan ibu bapa arwah gagal menjelaskan bil hospital lebih awal.

Menurut hantaran itu, bayi berkenaan dilahirkan pada 24 November lalu dalam keadaan tidak sempurna iaitu tanpa sebelah mata dan hidung serta tiada lubang dubur, malah meninggal dunia beberapa

minit selepas dilahirkan.

Wan Cai menyifatkan tindakan 'menyimpan' bayi itu oleh pihak hospital swasta dan meharang jenazah disemadikan lebih awal sebagai tidak berperikemanusiaan.

Beliau mempersoalkan motif pihak hospital menahan ibu bersama jasad bayi sehingga bil hospital yang bernilai lebih RM3,000 dijelaskan.

"Dalam isu yang berlaku, jelas tindakan pemilik hospital menahan jenazah adik Adham daripada diuruskan adalah satu tindakan tidak wajar dan kejam."

Seperti yang dimaklumkan, pihak hospital juga menahan ibunya bekar dari wad selagi bayaran tidak dibuat oleh si ayah.

"Yang menjadi persoalan, kenapa didakwa adik Adham perlu ditahan dan disimpan di dalam peti sejuk mayat selama dua minggu?"

"Bukankah si ibu sudah ditahan untuk dijadikan jaminan kepada pihak hospital," soal Wan Cai menurus hantaran itu.

Beliau difahamkan bil yang sepatutnya dibayar kepada pihak hospital dianggarkan RM5,000 sudah dijelaskan si ayah pada jam 11 pagi, Isnin yang membolehkan jenazah diuruskan pasukannya.

Dakwanya, pihaknya terpaksa mengotakan air paip untuk air paip bagi membolehkan tuhan dan sendi-sendi jenazah bayi berkenaan.

Susulan perdebatan orang ramai, Wan Cai turut berkongsi kronologi kisah yang diketikkan ayahnya yang terbit, yang memaklumkan isterinya dihantar rakan ke hospital swasta itu selepas mengadu sakit pada 24 November.

Sebelum itu, suami wanita itu bekerja syif malam pada 23 November dan

sempat bertemu isterinya selepas dimaklumkan perkara berkenaan, malah bercadang untuk memindahkan isterinya ke hospital kerajaan.

Namun dia mendakwa tidak sempat berbuat demikian selepas dimaklumkan doktor hospital swasta terbit yang bayinya sudah hampir keluar dan berhadapan komplikasi.

Dia juga mendakwa selepas kelahiran itu, bil hospital mencek lebih RM2,480 selepas ditolak deposit.

Bagaimanapun lelaki itu kecewa apabila didakwa tidak dibenar membawa keluar jenazah anaknya untuk diuruskan selagi bayaran penuh tidak diselesaikan.

Dalam tempoh dua minggu itu, bapa Adham dikatakan berusaha mencari wang termasuk meminjam dengan ahli keluarga dan kenalan, namun jumlahnya tidak mencukupi, sehingga seorang dermawan membantu menjelaskan baki lebih RM1,000 pada Isnin.

"Bukankah si ibu sudah ditahan untuk dijadikan jaminan kepada pihak hospital"

Selangor kecam tindakan hospital

Shah Alam: Kerajaan negeri Selangor mengemukakan sebuah hospital swasta yang menahan jenazah bayi lelaki selama dua minggu, hanya disebabkan ibu bapa arwah gagal menjelaskan bil hospital lebih awal.

"Kita (kerajaan negeri) mengemukakan tindakan tidak berperikemanusiaan itu dan akur dengan tindakan undang-undang jika disasbit kesalahan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bapa gagal beri kerjasama: HBR

Kuala Lumpur: Hospital Bersalin Razif (HBR) menafikan dakwaan tular pihak media mengenai jenazah bayi dan melarang disemadikan lebih awal.

HBR dalam kenyataan dimat naik di Facebook menjelaskan, ibu bayi itu diterima masuk ke hospital atas dasar kemurniaan, dan dilahirkan dengan berat badan normal dan sihat.

"Pesakit tiba di hospital dalam keadaan sakit mahu bersalin dan diringi seorang lelaki yang diperkenalkan sebagai suaminya. Bagaimanapun, dia kemudiannya mengaku bahawa walaupun tidak berdarah dan tidak menjalani saringan awal," katanya.

HBR berkata, pesakit dibawa ke bilik bersalin dan melahirkan serta merta.

"Malangnya, bayi yang dilahirkan mengalami sindrom cyclops, dengan hanya satu mata, tiada hidung dan tiada dubur. Bayi itu juga menunjukkan tanda-tanda kritikal dan meninggal dunia beberapa minit selepas itu."

"Pihak hospital memaklumkan kepada lelaki yang merenungi pesakit mengenai keadaan bayi dan menggariskan untuk menguruskannya pengubatan. Namun, lelaki itu meninggalkan hospital dan gagal memberikan kerjasama pengubatan."

RM2,480
jumlah bil tidak dapat dibayar oleh pesakit.

Shah Alam: Tindakan sebuah hospital swasta yang didakwa 'menahan' jenazah bayi selama dua minggu disifatkan sebagai satu penganiayaan yang menyalahi hukum syarak.

Pensyarah Kanan Akademik Pengajian Islam Kontemporari, (MIS), Universiti Teknologi MARA (UTM), Dr Mohd Haziq Mahayudin berkata, menyimpan jenazah di dalam peti sejuk mayat selama dua minggu adalah tidak wajar kerana ia boleh

'Patut segera kebumi jika tiada uzur syarii'

nyebabkan kelesatan pengubatan jenazah yang sepatutnya disegerakkan jika tiada sebab yang kuat.

"Tindakan penahanan disebabkan menunggu si bapa untuk menyelesaikan kos bersalin ibunya bukanlah suatu keaifan syarak (seperti kes pembunuhan, kemalangan dan sebagainya) yang perlu dibedah siasat," kerami turutan kos itu boleh diselesaikan dengan cara lain.

"Dalam hal ini, ia menjadi satu penganiayaan fizikal yang menyalahi syarak yang tidak wajar di-

biarkan berulang sekali lagi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, terdapat beberapa perkara berkaitan hukum syarak yang perlu diperhatikan berhubung perbuatan menahan jenazah bayi berkenaan.

Menurutnya, jika bayi yang dilahirkan sudah berwujud enam bulan dan ke atas, maka jenazahnya wajib dilakukan seperti jenazah orang dewasa iaitu dimandikan dan dikafankan, solat jenazah dan dikuburkan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	HOSPITAL CLARIFIES BABY IN FREEZER CONTROVERSY		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	12 DIS 2024	M/SURAT :	09
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

BURIAL PERMIT SIGNED

Hospital clarifies baby in freezer controversy

KUALA LUMPUR: The hospital that allegedly kept a newborn for two weeks in a freezer has clarified that a burial permit was signed after he died.

Hospital Bersalin Razif (HBR), in a statement, said its doctors had informed the "father" of the boy to arrange the latter's burial on the next day.

HBR said his mother was also informed that they could bury him before settling the bills.

It said it had accepted the mother as a patient on humanitarian grounds due to her strong labour pains, as she was unbooked and unscreened and did not have any antenatal checkups.

It said the mother claimed that she was unmarried.

"HBR had to accept her on humanitarian grounds in spite

of being unbooked and unscreened. She was brought to the labour room and delivered almost immediately."

It said the boy was born with one eye, no nose and no anus.

"The 'husband' did not accompany her during the delivery.

"The doctor explained to the 'husband' the baby's condition and told him to recite the *azan* (Muslim call to prayer).

"Routine injections were given to the baby with plans for referral. However, the baby's appearance became blue," it said, adding that the boy died minutes later.

"A burial permit was signed and the doctor informed the 'husband' to arrange the burial the next day.

"The 'husband' left the hospital as he said he had to go

elsewhere," it said.

The hospital said the mother was well and allowed to be discharged the next day.

It said she informed the hospital that she was unable to settle the hospital bill of RM2,480.

It said she was informed that she could arrange the burial first before paying the bill.

"Later, she said her 'husband' will arrange the burial. So HBR waited for him to take the baby for burial.

"As days passed, HBR kept reminding her to proceed with the burial, but she kept saying the 'husband' is arranging it. She was treated well and mingled with the ward staff and was provided with counselling services and free meals.

"The 'husband' came to visit her every two to three days. At-

tempts to talk to him about the burial failed."

HBR said its management had discussed with the woman to get police to help her settle the burial, but she pleaded not to get them involved.

It said she kept saying that all decisions would be made by her "husband" and that she refused to give up contact information of her family members.

"She claimed that she lives in a rented room with her 'husband'. She does not have any relatives or friends nearby," it said.

Meanwhile, the Health Ministry, through its Private Medical Practice Control Section (CKAPS), has begun an investigation into the matter.

Minister Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad advised the public to remain calm and wait for the

facts before making any presumptions on the case.

He said the authorities had been mobilised to conduct an investigation.

"I hope all parties will remain calm and allow the relevant authorities, including CKAPS, to conduct the investigation.

"I will wait for the full findings from all authorities conducting the investigation.

"CKAPS has gone down to the ground to engage with the parties involved," he said at a press conference at the Parliament Building here yesterday.

The issue came to light after the founder of a non-governmental organisation claimed that the baby's remains were prevented from leaving the hospital as the father could not afford to pay the bill.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	SEX ED VITAL TO ADDRESS TEEN PREGNANCIES: NGO	
HARI :	KHAMIS	AKHBAR : THE SUN
TARIKH :	12 DIS 2024	M/SURAT : 03
TONE :	POSITIF	SEKTOR : KPWK

Sex ed vital to address teen pregnancies: NGO

BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Police statistics show that 75 babies were abandoned between January and September, and while the figure is lower than the 96 abandoned in the same period last year, it is still an issue of concern.

OrphanCare Foundation advocacy and communications manager Riza Alwi said the foundation has saved 85 babies this year compared with 55 in 2023.

Experts are pointing to sex education as a solution to address the issue and teen pregnancies, which pose significant challenges for Malaysia.

Federation of Reproductive Health Associations Malaysia (FRHAM) chairman Prof Dr Kamal Kenny said early sex education is crucial as it equips young people with accurate information to make informed decisions about their sexual and

‘Early guidance could equip youth with accurate information to make informed decisions about reproductive health’

reproductive health.

“Sex education should begin in preschool, focusing on age-appropriate topics such as good touch, personal safety, body awareness and respect for others.

“Starting early ensures children understand their bodies, boundaries and how to stay safe while fostering respect for diversity and healthy communication. As children mature, the curriculum could expand to relationships, contraception and sexually transmitted infections (STI).”

He said while elements of sex education are included in school subjects, they often lack depth and focus mainly on abstinence while neglecting critical topics such as

consent, safe sex practices and gender diversity.

He also said many educators are untrained and avoid sensitive questions, leaving students to seek unreliable online sources.

Children with disabilities, especially those on the spectrum, face a higher risk of abuse from caretakers, potential perpetrators, schools and institutions, highlighting the need for inclusive sex education programmes.

“FRHAM offers programmes and workshops for youths, parents and educators, covering topics such as sexual health, contraception, STI prevention and consent.

“We run outreach programmes for underserved communities and

provide resources such as counselling and helplines to support better understanding and decision-making.”

Universiti Teknologi Malaysia director and senior psychology officer Dr Zulfikar Ahmad said teen pregnancies are influenced by a lack of family support, open communication or guidance.

He said the unmonitored use of social media, peer pressure, substance abuse and toxic relationships increase the risk of teen pregnancies.

“The absence of parental figures, family detachment and trauma further leave teens vulnerable while social stigma and rejection discourage pregnant teens from seeking help. This highlights the need for stronger family connections and sex education.”

He said studies link the lack of early sex education to higher teen pregnancies.

He also said exposure to pornography at a young age distorts a child’s understanding of sex as its purpose is centred on entertainment and pleasure rather than education.

He added that this often leads to misconceptions about the role of sex in relationships and to counter this, proper parenting strategies should be adopted so that children are guided to view sex as a natural part of healthy relationships.

Federal Territories Deputy Mufti Sahibus Samahah Jamali Mohd Adnan said Islam does not prohibit sex education but views it as a natural and vital part of life.

“Islam encourages starting this education before children reach sexual maturity. By empowering children and teens to protect themselves from risks, sex education becomes a vital tool for their safety and wellbeing.”



A baby hatch initiative by the OrphanCare Foundation saved 85 babies this year. — SYED AZAHAR SYED OSMAN/THESUN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENDIDIKAN SRT BANTU REMAJA FAHAMI TANGGUNGJAWAB KELUARGA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 DIS 2024

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Pendidikan SRT bantu remaja fahami tanggungjawab keluarga

Penguatan semula subjek bolehkan pelajar lebih bersedia hadapi realiti hidup berkeluarga

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Jelebu: Perbincangan isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja di negara ini menjadi perhatian banyak pihak apabila statistik menunjukkan, peningkatan kes dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) sebanyak 44,263 kes kehamilan remaja direkodkan di negara ini dalam tempoh lima tahun lalu. Daripada jumlah itu seramai 17,646 remaja tidak berkahwin ketika hamil.

Pensyarah Kanan Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fa-

kuliti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Rahimah Jamaluddin, berkata dalam usaha menangani isu ini, Kementerian Pendidikan (KPM) mengemukakan rancangan memperkenalkan kurikulum kesihatan reproduktif yang lebih komprehensif pada tahun 2027, melalui modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PE-ERS).

Beliau berkata, usaha itu positif namun berpendapat, mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT), yang suatu ketika dahulu menjadi asas dalam pendidikan remaja di Malaysia, tidak boleh diabaikan.

“Masyarakat sering melihat kehamilan remaja sebagai masalah individu yang berpunca daripada kelemahan moral remaja itu sendiri, namun realitinya lebih kompleks.

“Banyak kes kehamilan remaja berkait rapat dengan faktor sosial dan keluarga, termasuk kurangnya sokongan emosi, kerapuhan institusi keluarga, dan kurangnya didikan mengenai tanggungjawab sosial dan kesihatan reproduktif.

“Justeru, pendidikan menyeluruh merangkumi nilai kekeluar-

gan dan kemahiran hidup penting untuk membantu remaja membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab,” katanya dalam kenyataan.

Pupuk kemahiran individu

Rahimah berkata, pada asasnya, SRT diperkenalkan sebagai mata pelajaran yang membentuk individu agar mampu menjalani kehidupan berkualiti dengan kemahiran mengurus diri, keluarga, pakanan, pakaian dan komunikasi kekeluargaan.

Namun tegasnya, mata pelajaran ini semakin dipinggirkan dan dilihat kurang relevan dalam konteks pendidikan moden, yang cenderung menekankan pencapaian akademik dan kemahiran teknikal serta dianggap lebih ‘bernilai’ dalam pasaran pekerjaan.

Katanya, dalam konteks pencegahan kehamilan remaja, SRT memainkan peranan penting bukan sahaja dalam memberikan kefahaman asas mengenai biologi reproduktif, tetapi juga da-

lan mendidik pelajar mengenai aspek emosi, sosial dan tanggungjawab dalam pembentukan keluarga dan hubungan interpersonal.

“Mata pelajaran SRT meliputi pelbagai topik yang berkait rapat dengan kemahiran hidup dan kesihatan diri. Sebagai contoh, SRT mengajarkan tanda-tanda kehamilan awal dan cara menjaga kesihatan ibu mengandung.

“Pengetahuan ini bukan sahaja berguna kepada pelajar perempuan, tetapi juga pelajar lelaki, sebagai persediaan untuk memahami perubahan dalam kehidupan berkeluarga dan tanggungjawab mereka di masa hadapan.

“Dengan mempelajari tanda-tanda kehamilan, remaja lebih memahami perubahan fisiologi yang berlaku pada tubuh, serta lebih peka terhadap tanggungjawab jika mereka memilih untuk terbabit dalam hubungan serius,” katanya.

Rahimah berkata, pengetahuan ini secara tidak langsung bertindak sebagai alat Pencega-

han, dengan meningkatkan kesedaran remaja mengenai implikasi kehamilan sebelum waktunya.

Katanya, pendidikan komprehensif dalam mata pelajaran SRT juga membantu pelajar memahami tanggungjawab sebagai ahli keluarga dan masyarakat.

Tegasnya, dalam SRT, pelajar diajar bukan sahaja mengenai aspek biologi reproduktif, tetapi juga aspek sosial dan emosi yang berkaitan dengan pembentukan keluarga dan hubungan interpersonal.

“Ini termasuk cara menangani cabaran dalam kehidupan keluarga, menguruskan kewangan, serta amalan komunikasi sihat dalam hubungan. SRT sebenarnya menyediakan asas kuat dalam membentuk remaja untuk menjadi individu bertanggungjawab.

“Dengan memperkukuhkan semula SRT dalam sistem pendidikan kita, remaja akan lebih bersedia menghadapi realiti kehidupan berkeluarga dan memahami pentingnya kesihatan reproduktif,” katanya turut menyaran KPM menilai semula kedudukan mata pelajaran SRT dalam kurikulum pendidikan di negara ini.



Rahimah Jamaluddin

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



180 tabika, taska Kemas di Kelantan terjejas banjir



ADILA SHARINNI WAHID [Follow](#)

11 Disember 2024 01:28pm



Barangan tabika dan taska Kemas rosak akibat banjir hingga ke bumbung premis. FOTO SINAR HARIAN-ADILA SHARINNI WAHID.

TUMPAT - Sebanyak 180 premis Taman Bimbingan Kanak-kanak (tabika) dan Taman Asuhan Kanak-kanak (taska) milik Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di negeri ini terjejas akibat ditenggelami banjir gelombang pertama, bulan lalu.

Pengarah Kemas Kelantan, Wan Norlee Wan Ismail, berkata, tabika dan taska terkesan terbabit melibatkan kira-kira 8,000 murid dan 400 kakitangan di keseluruhan daerah kecuali Gua Musang.

"Paling teruk terjejas premis-premis kami di tiga daerah iaitu Tumpat, Pasir Mas dan Rantau Panjang.

"Ketinggian banjir itu melepasi 1.5 meter manakala keadaan di Teluk Jering, Tumpat ini paras air hingga di bahagian bumbung tabika Kemas atau kira-kira tiga meter," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Kampung Teluk Jering di sini pada Rabu.

Beliau sebelum itu bersama 50 warga Kemas menyertai Skwad Ihsan Madani Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dalam misi pasca banjir bagi membersihkan tiga kampung serta sembilan premis terjejas banjir di daerah itu.

Turut hadir, Pengarah KKDW Kelantan, Nasrul Haqim Mohd Nasir yang merasmikan program berkenaan.

Menurut Wan Norlee, jumlah kerugian dialami akibat bencana itu belum dapat dipastikan kerana pihaknya masih lagi mengumpul maklumat kerosakan-kerosakan bangunan mahupun peralatan dan perabot yang tenggelam air.

Bagaimanapun, katanya, kerja-kerja pembersihan premis-premis terjejas sudah dimulakan lebih awal membolehkan sebahagian tabika dapat beroperasi semula manakala selebihnya yang belum beroperasi melaksanakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian.

"Kami dah mulakan gerak kerja untuk gotong-royong lebih awal dan fokus hari ini di Tumpat kerana ada 31 tabika yang terjejas di kawasan ini.

"Semalam kami berada di Rantau Panjang dan Pasir Mas untuk bantu kerja-kerja pembersihan tabika," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PELATIH MENAGKU SALAH ROGOL REMAJA DI ATAS PADANG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 DIS 2024

M/SURAT : 20

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Pelatih mengaku salah rogol remaja di atas padang

Muar: Seorang pelatih sebuah institut pertanian mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan merogol remaja perempuan di atas padang di Segamat, bulan lalu.

Tertuduh, Mohamad Azfar Asmawi, 18, membuat pengakuan itu sejujurus pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan, remaja terbabit didakwa merogol mangsa berusia 14 tahun di atas padang taman permainan di Jementah, Segamat kira-kira jam 9.30 malam pada 15 November lalu.



AZFAR dibawa keluar dari mahkamah, semalam.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, ma-

nakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon satu tarikh bagi membolehkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan laporan sosial berkaitan tertuduh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa dera anak perempuan dipenjara 5 tahun

🕒 11 Disember 2024, 5:46pm



Kompleks Mahkamah Langkawi. FOTO NSTP

LANGKAWI: Seorang bapa dihukum penjara lima tahun oleh Mahkamah Sesyen hari ini selepas mengaku bersalah mendera anak perempuannya yang berusia 16 tahun, Jun lalu.

Hakim Allan Suman Pillai menjatuhkan hukuman itu ke atas tertuduh yang berusia 55 tahun selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan.

Mahkamah turut mengarahkan bapa kepada remaja itu berkelakuan baik selama dua tahun dan menjalani program khidmat masyarakat selama 39 jam dalam tempoh enam bulan selepas bebas dari penjara.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa menganiyai atau mendedahkan anaknya itu dengan cara mungkin menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal dan emosi.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan terbabit di sebuah rumah di Century Suria Service Apartment, Mukim Kuah, di sini, pada jam 8 pagi, 30 Jun lalu.

Sehubungan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Farhan Aliff Ahmad manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Hakim Hamran.

Mengikut fakta kes, tertuduh memarahi mangsa sebelum menarik rambut, mencekik leher dan menghempuk kepala mangsa ke almari dalam bilik disebabkan mangsa tidak pergi ke sekolah.

Berikutan itu, mangsa telah membuat laporan polis sebelum tertuduh ditahan pada 4.45 petang di rumahnya dua hari selepas kejadian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PEMILIK RUMAH JAGAAN DIREMAN ENAM HARI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 DIS 2024

M/SURAT : 03

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

KES PUKUL BUDAK 10 TAHUN

Pemilik rumah jagaan direman enam hari

Johor Bahru: Seorang pemilik rumah jagaan di Kulai yang didakwa memukul kanak-kanak perempuan dengan pembaris kayu panjang dalam video tular direman selama enam hari bermula semalam.

Permohonan reman ke atas lelaki berusia 59 tahun itu dibenarkan Majistret Arina Azmin Ahmad Marzuki untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001.

Pada Isnin lalu, Ketua Polis Daerah Kulai Asisten Komisioner Tan Seng Lee dilaporkan berkata, keja-

dian berlaku membabitkan mangsa berusia 10 tahun di pusat jagaan itu.

Mangsa dipercayai dipukul oleh suspek pada Oktober lalu sebelum tular di media sosial menerusi satu rakaman video tular berdurasi 56 saat.

Suspek dilihat memukul mangsa dengan disaksikan beberapa kanak-kanak lain biarpun sudah permohonan maaf.

Terdahulu, suspek direman bermula 30 November lalu hingga kelmarin untuk siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan.